



kaunseling Remaja

Prof Madya Datin Dr Sapora Sipon Menjawab

Jika anda menghadapi masalah percintaan, pembelajaran, kewangan, keluarga dan perkara peribadi yang sukar diselesaikan, pakar kaunseling Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) sedia membantu. Hantarkan masalah anda lengkap dengan nama dan alamat penuh kepada Ruangan Pengelola Kaunseling Remaja, Harian Metro, Balai Berita, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur atau e-mel kepada rencana@hmetro.com.my

Ibu larang siswi nikah lelaki Arab

SOALAN:

SAYA mahasiswa di sebuah institusi pengajian tinggi dan mempunyai teman lelaki berbangsa Arab. Kami bercadang untuk bernikah kerana pernah terlanjur selain mengelakkan perkara itu berulang lagi.

Masalahnya, ibu bapa saya tidak bersetuju kami bernikah kerana dia orang asing. Kami sangat sedih kerana saling mencintai. Sejak awal perhubungan lagi kami inginkan ikatan kekal hingga akhir hayat. Apa yang perlu saya buat supaya ibu bapa saya boleh menerima dia?

**Kisah Sedih
Kuala Lumpur**

JAWAPAN:

MELETAKKAN diri adik dalam diri ibu bapa pasti membuatkan adik empati dan faham mengapa mereka menentang pernikahan adik. Perkahwinan campur membabitkan isu perbezaan termasuk agama, budaya, bahasa dan tempat asal.

Dalam kes ini, agama tidak menjadi masalah. Malah perbezaan latar belakang negara, budaya, bangsa, bahasa dan warna kulit tentunya menjadi kerisauan ibu serta ayah. Apatah lagi teman lelaki berasal dari negara yang jaraknya jauh dari tempat lahir adik.

Ada yang mengganggu perkahwinan campur boleh

mengundang masalah seperti prejudis, diskriminasi, kesukaran berkomunikasi dan melihat perbezaan lebih banyak daripada persamaan. Semua ini membuatkan pasangan ibu bapa kurang merestui jika anak mereka berhasrat terlibat dalam perkahwinan campur.

Bagaimanapun, ramai juga yang melihat perkahwinan campur antara peluang untuk menikmati kepelbagaian serta ruang meroboh halangan kebencian sesama manusia. Perkahwinan campur dilihat satu wadah kepada keharmonian sejagat.

Jika adik dapat memahami perasaan ibu dan ayah yang menentang pernikahan itu,

adik pasti kurang tertekan. Ini membolehkan adik dapat mengatur langkah seterusnya dengan memberitahu perkara sebenar hubungan adik dengan teman lelaki.

Memberitahu mengapa pernikahan perlu diteruskan adalah penting. Ada kemungkinan, jika ibu dan ayah mengetahui keterlanjuran adik, mereka melihat hubungan dengan teman lelaki dari sudut yang berbeza serta ruang lingkup lebih besar.

Kini, peranan adik dan teman lelaki dalam memberi keyakinan kepada ibu bapa bahawa pernikahan kalian berdua nanti lebih banyak mendatangkan keharmonian berbanding masalah sangat

penting dalam mempengaruhi keputusan mereka.

Memaksa ibu bapa menerima pernikahan adik ada kemungkinan mengurangkan peluang untuk mereka bersetuju. Sebaliknya, dengan memberitahu perkara sebenar hubungan adik dan teman lelaki serta meyakinkan mereka. Walaupun teman lelaki adalah 'orang asing,' dia boleh menjadi menantu yang 'tidak asing.' Maksudnya perbezaan warna kulit dan asal tempat bukanlah faktor utama kebahagiaan rumah tangga.

Jika teman lelaki bersungguh-sungguh untuk memperisterikan adik, dia pasti berusaha sedaya mungkin

memujuk ibu bapa adik. Kesungguhan ini perlu datang dengan hati yang ikhlas. Banyakkan berdoa, sembahyang hajat, berbuat baik kepada ibu bapa supaya mereka merestui pernikahan adik dengan teman lelaki.

Sekiranya usaha memujuk ibu bapa masih gagal dan mereka tetap berkeras tidak membenarkan pernikahan, adik masih boleh berkahwin untuk mengelak dosa berulang. Apa pun, perkahwinan yang direstui ibu bapa adalah yang terbaik. Dr doakan supaya ibu bapa adik terbuka hati menerima teman lelaki sebagai menantu mereka.